

02 NOV 1997

SEMINAR KORIDOR RAYA MULTIMEDIA DI JEDDAH

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Satu seminar Koridor Raya Multimedia (MSC) anjuran Konsulat Malaysia akan diadakan di sebuah hotel antarabangsa di Jeddah pada Rabu.

Dalam satu kenyataan yang difakskan ke sini hari ini, Konsulat Malaysia di Jeddah berkata seminar itu bertujuan menarik minat pengusaha-pengusaha Arab Saudi untuk melibatkan diri dalam MSC dan pelaburan di Malaysia.

Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Othman Yeop Abdullah akan memberi taklimat mengenai peluang-peluang yang ada dalam MSC bagi pengusaha-penguasa Arab Saudi.

Satu kertas kerja oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia juga akan dibentangkan pada seminar itu yang turut mengadakan tayangan video dan sesi soal jawab untuk para peserta.

Konsul Jeneral Malaysia di Jeddah, Syed Hussein Al Habshee berharap seminar MSC yang pertama kali diadakan itu akan mendapat sambutan menggalakkan daripada pelabur-pelabur Arab Saudi.

Katanya kesungguhan Malaysia sebagai sebuah negara Islam di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempelopori bidang teknologi maklumat dipandang tinggi oleh masyarakat tempatan Arab Saudi. -- BERNAMA

HS RON